

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Dalam bab ini akan dikemukakan beberapa sub-bab, iaitu latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, objektif dan kepentingan kajian, batasan dan bidang kajian, tinjauan kajian berkaitan, metodologi kajian, rangka kajian dan penutup.

#### 1.1 Persoalan Kajian

Dalam sebuah teks, jarang sekali satu kata muncul sendirian. Pada umumnya ia muncul disertai kata lainnya dan penyertaannya itu bukanlah sebarang penyertaan melainkan mengikuti aturan tertentu sehingga kombinasi kedua-dua kata – atau lebih – itu menghasilkan sebuah makna. Terkadang, makna satu kata ketika muncul sendirian, maknanya akan berbeza manakala ia berkombinasi dengan sebuah kata atau lebih. Makna kata **صَاحِب** /ṣāḥib/ misalnya, bergantung pada kata yang berkombinasi dengannya. Ia akan bermakna ‘pemilik’ dalam kolokasi:

- (1) **صَاحِب ذَاكِرَة قَوِيَّة**  
/ṣāḥib zākirah qawīyyaṭ/  
'pemilik ingatan yang kuat'
- (2) **صَاحِب الدَّار**  
/ṣāḥib al-dār/  
'pemilik rumah'

Namun gabungan kata itu dengan kata yang lain merupakan gelar kehormatan seperti dalam kolokasi yang dipergunakan untuk raja atau kepala negara, seperti:

- (3) صَاحِبِ الْجَلَالَةِ  
/ṣāhib al-jalālat/  
'Yang Di-Pertuan Agong'
- (4) صَاحِبِ الْعِزَّةِ  
/ṣāhib al-`azamat/  
'Yang Di-Pertuan Agong'
- (5) صَاحِبِ الْفَخَامَةِ  
/ṣāhib al-fakhāmat/  
'Yang Mulia'

Dan gabungan kata tersebut juga akan bermakna yang berbeza lagi seperti dalam kolokasi:

- (6) صَاحِبِ الْمَصْلَحَةِ  
/ṣāhib al-maṣlahat/  
'orang yang berkepentingan'
  - (7) صَاحِبِ الْحَقِّ  
/ṣāhib al-ḥaqq/  
'yang berhak'
- (Ḥassān, 1985: 324).

Terdapat kata yang hanya berkombinasi dengan kata tertentu dan tidak dengan yang lainnya meskipun dengan kata yang bersinonim dengannya. Kata الله /Allāh/ 'Allah', misalnya, hanya berkombinasi dengan kata adjektif (KA) الْعَظِيمِ /al-`azīm/ 'Yang Maha Agung' dalam ungkapan:

(8) صَدَقَ اللهُ الْعَظِيمَ

/ṣadaqa allāh al-‘aẓīm/  
'Maha Benar Allah Yang Maha Agung'

Walaupun KA الْعَظِيمَ /al-‘aẓīm/ bersinonim dengan KA الْكَبِيرَ /al-kabīr/ ‘Yang Maha Besar’, kita tidak pernah mendengar ada ungkapan berbunyi:

(9) \* صَدَقَ اللهُ الْكَبِيرَ \*

/ṣadaqa allāh al-kabīr/.  
\* Maha benar Allah Yang Maha Besar

Dalam konteks lain, kata اللهُ /allāh/ ‘Allah’ hanya berkombinasi dengan KA الْكَبِيرَ /akbar/ ‘Yang Maha Besar’ dalam ungkapan takbir اللهُ أَكْبَرُ /allāhu akbar/ dan tidak pernah kita mendengar seseorang mengatakan اللهُ أَعْظَمُ /allāhu a‘ẓam/ meskipun kedua-dua KA الْكَبِيرَ dan أَعْظَمُ itu bersinonim dan dilihat dari segi semantik pun maknanya sah.

Fenomena seperti ini juga terdapat dalam bahasa Inggeris, seperti ungkapan dalam sapaan. Para penutur bahasa Inggeris dapat mengatakan *good day*, *good morning*, atau *good evening*, dan mereka tidak pernah mengatakan *\*excellent day*, *\*bad day*, *\*reasonable day*, atau *\*fair day* dalam sapaan. Menurut Pinchuck (1977: 59), "*there is no logical reason for this, it is simply a custom that good goes with day in a greeting, while other adjectives do not*".

Kemampuan mengenal pasti kolokasi dalam suatu teks mempunyai peranan yang sangat besar dalam proses penterjemahannya. Sebagaimana dalam beberapa contoh di atas, banyak kata yang bermakna unik manakala berkombinasi dengan kata-kata tertentu. Maka ketika suatu terjemahan dikritik sebagai terjemahan yang

salah atau tidak sesuai dalam konteks tertentu, kritikan tersebut merujuk pada ketidakmampuan penterjemah dalam mengidentifikasi pola-pola kolokasi yang bermakna unik dan berbeza daripada sejumlah makna elemen-elemennya secara individual. Oleh itu, apabila ada seorang penterjemah memahami ungkapan **عَلَى الْعَيْنِ وَالرَّأْسِ** /‘alā al-‘ayn wa al-ra’s/ yang secara harfiah berarti ‘di atas mata dan kepala’ seperti dalam ayat:

- (10) **كُلَّمَا طَلَبَ مِنْهُ خِدْمَةً، فَضَاهَا عَلَى الْعَيْنِ وَالرَّأْسِ**  
/kullamā ṭalaba minhu khidmatan, qaḍāhā `alā al-`ayn wa al-ra’s/

sama seperti memahami ayat:

- (11) **جَلَسَ عَلَى الْكُرْسِيِّ**  
/jalasa `alā al-kursiy/  
'ia duduk di atas kerusi',

maka penterjemah tersebut akan memberi padanan yang tidak akan difahami pembaca bahasa target (BT). Mungkin ia akan menterjemahkan ayat (10) di atas menjadi ‘setiap kali ia meminta perkhidmatan, ia melakukannya di atas mata dan kepala’. Penterjemahan harfiah kombinasi antara kata sendi nama (KSN) **عَلَى** /‘alā/ ‘di atas’+ kata nama (KN) **الْعَيْنِ وَالرَّأْسِ** /al-‘ayn wa al-ra’s/ ‘mata dan kepala’ seperti ini sangat berbeza jauh dari makna yang dimaksud iaitu **بِكُلِّ سُورٍ، بِرَغْبَةٍ وَحُبِّ** /bi kulli surūr, bi raghbah wa ḥubb/ ‘dengan senang hati’ (Ṣinīy *et al*, 1996: 89). Sehingga contoh (10) di atas, jika diterjemahkan dengan benar akan berbunyi 'setiap kali ia meminta perkhidmatan, ia akan melakukannya dengan senang hati'.

Betapa susahnyanya menterjemahkan kolokasi diakui oleh Smadja and McKeown (1994: 152) yang mengatakan "*Collocations are notoriously difficult for*

*non-native speakers to translate, primarily because they are opaque and cannot be translated on a word by word basis".*

KN dalam bahasa Arab cukup berpengaruh dalam menentukan makna sebuah kata, bahkan dapat menimbulkan makna yang berlawanan sebagaimana yang diberikan oleh KSN *عَلَى* /‘alā/ dan *لِ* /li/ yang tidak selamanya bermakna 'di atas' dan 'untuk'. Seorang linguis Arab yang terkenal, Ibn Jinnīy (t.t., 2/271) menyatakan bahawa KSN *لِ* /li/ digunakan untuk hal-hal yang menyenangkan, sedangkan KSN *عَلَى* /‘alā/ untuk kebalikannya. Seorang penterjemah yang tidak menyadari makna yang berada di balik kata-kata yang berkombinasi dengan kedua-dua KSN tersebut tidak mustahil akan menterjemahkan secara harfiah. Maka doa yang biasa diucapkan kepada pengantin :

(12) *بَارِكْ اللَّهُ لَكُمْ وَعَلَيْكُمْ*  
/bāraka allāh lakumā wa ‘alaykumā/

mungkin akan diterjemahkannya secara harfiah menjadi 'Semoga Allah melimpahkan berkah untukmu dan atasmu'. Padahal apabila mengikuti teori yang diajukan oleh Ibn Jinnī di atas, terjemahan tersebut akan lebih bermakna iaitu '*Semoga Allah melimpahkan berkah untukmu sama ada di kala senang atau susah*'.

Maka memperlakukan kombinasi kata seperti dalam ungkapan-ungkapan di atas sebagai sebuah kolokasi adalah sangat penting dalam langkah awal proses penterjemahan daripada mencari padanan leksikal untuk setiap kata secara terpisah.

Namun, dalam praktiknya, bukanlah merupakan perkara yang mudah bagi seorang penterjemah, khususnya bagi yang tidak berpengalaman, untuk mengenal pasti dan menterjemahkan makna kata ketika berkombinasi dengan kata lainnya.

Terkadang kemusykilan ini disebabkan oleh adanya beberapa makna kata ketika berkombinasi dengan suatu kata, seperti tampak dalam berbagai makna yang berbeza daripada kata **صَاحِب** /ṣāḥib/ di atas. Maka makna-makna yang berbeza-beza tersebut bukan mustahil akan menipu seorang penterjemah yang tidak berpengalaman yang tidak mampu mengenal pasti kolokasi dengan maknanya yang bermacam-macam yang berbeza daripada makna kata-kata tersebut manakala muncul sendiri-sendiri.

Sebab lain daripada kemusykilan yang muncul dalam proses penterjemahan kolokasi adalah adanya makna kiasan (metafora) dalam sebuah kolokasi. Kata **بَال** /bāl/ yang makna asalnya adalah **أَحْوَالُ وَالشَّأْنُ** /al-ḥāl wa al-sya'n/ 'keadaan' seperti dalam firman Allah:

- (13) ﴿ سَيَهْدِيهِمْ وَيُصْلِحُ بَالَهُمْ ﴾  
 /sayahdīhim wa yuṣliḥu bālahum/  
 'Allah akan memberi pimpinan kepada mereka dan memperbaiki keadaan mereka'.  
 Surah Muḥammad 47:5.

Makna asal ini tidak tampak lagi dalam ungkapan-ungkapan seperti: **مَشْغُولٌ** /masyghūlu al-bāl/ 'gundah'; **خَالِي الْبَالِ** /khāliyu al-bāl/ 'tenang'; **ذُو بَالٍ** /zū bāl/ 'penting'; **غَيْرُ ذِي بَالٍ** /ghayru zī bāl/ 'tidak penting'; **رَاحَةُ الْبَالِ** /rāḥatu al-bāl/ 'senang'; **نَاعِمُ الْبَالِ** /rakhiyy al-bāl (nā'imu al-bāl)/ 'hidup senang, hati tenang'; **طَوِيلٌ الْبَالِ** /ṭawīlu al-bāl/ 'bersabar'.

Kitab Suci al-Quran merupakan sumber yang kaya bagi metafora yang dapat menjadi masalah yang serius bagi sebahagian penterjemah, tak terkecuali penterjemah profesional. Untuk menjelaskan metafora bahasa Arab, berikut beberapa

metafora yang dikutip dari al-Quran beserta terjemahannya dalam bahasa Inggris oleh Ali (1989):

- (14) ﴿أَجَلٌ لَّكُمْ لَيْلَةٌ الصَّيَامِ الرَّفْتُ إِلَىٰ نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ﴾  
'On the night of the fasts, you are allowed to approach your wives. They are your garments and you are their garment'. Surah al-Baqaraṭ 2:187
- (15) ﴿نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأَتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ﴾  
'Your wives are as a tilth for you, so approach your tilth how you will'. Surah al-Baqarat 2:223
- (16) ﴿قَالَتْ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ وَلَمْ أَكُ بَغِيًّا﴾  
"How shall I have a son, given that no man has touched me, and I am not unchaste?". Surah Maryam 19:20
- (17) ﴿وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا﴾  
Nor speak ill of each other behind their backs. Would any of you like to eat the flesh of his dead brother? Surah al-Hujurat 49:20

Tentang terjemahan ini, Al-Hasnawi (2007) memberikan komen:

As can be seen, the literal English translations for the above verses do not work as equivalents for the Arabic euphemistic areas of sex and related matters; that is because the question of sexual intercourse is always delicate to handle in the Arabic culture. Witness the Qur'anic euphemisms and their English counterparts in (14), (15), and (16) above. In (15), 'sexual intercourse' in the SL is compared to a husband's tilth, where a husband sows the seed in order to reap the harvest; he chooses his own time and mode of cultivation. He does not sow out of season nor cultivate in a manner which will exhaust the soil. However, this image cannot be reproduced in the TL. Likewise, 'sexual intercourse' is euphemistically referred to as 'approaching' in (14) and 'touching' in (16), but this translation is inadequate due to the absence of identical cognitive mapping of the SL expressions in the TL on behalf of the translator. In a similar way, in the Arabic SL text in (17), the back-biting is likened to eating the flesh of a dead brother in terms of abomination; however, the English translation does not seem to reproduce plausible counterpart metaphors when the general meaning of the Arabic words is given.

Kata لباس /libās/ dalam contoh (14) di atas yang mendapat padanan 'garment' dalam bahasa Inggris, merupakan contoh penggunaan metafora dalam bahasa Arab. Penterjemahan ke bahasa Inggris dilakukan secara harfiah, seperti halnya

penterjemahan ke bahasa Melayu, iaitu diberi padanan 'pakaian'. Untuk memahami apa yang dimaksud dengan perkataan tersebut, mengikut al-Ṭabariy (2000: III/489), ada dua kemungkinan, iaitu:

1. Setiap orang dari suami-isteri itu diumpamakan sebagai *pakaian* bagi pasangannya kerana mereka berdua ketika tidur berkumpul dalam satu pakaian, tubuh mereka melekat menjadi satu, sebagaimana pakaian melekat pada tubuh.
2. Masing-masing dari pasangan suami-isteri itu dijadikan *pakaian* bagi yang lainnya, kerana masing-masing merasakan ketenangan berada di samping pasangannya. Makna kata لِبَاسٍ /libās/ sebagai *ketenangan* digunakan dalam surah al-Furqān ayat 47 ﴿... وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ...﴾<sup>1</sup> ﴿... أَلَيْلَ لِبَاسًا﴾. Demikian halnya, seorang isteri merupakan sumber ketenangan bagi suaminya, sebagaimana dikatakan dalam surah al-A‘rāf ayat 189:

﴿... وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا...﴾ 'Dia menciptakan isterinya, agar dia merasa senang kepadanya...'

Ḥassān (2005: II/68-69) berpendapat bahawa penggunaan kata لِبَاسٍ /libās/ dalam surah al-Baqaraṭ ayat 187, adalah sama dengan penggunaannya dalam surah al-A‘rāf ayat 26: ﴿... وَرِبَاسُ الْتَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ...﴾<sup>2</sup>. Kesamaan yang dimaksud

---

<sup>1</sup> Sekali lagi, kata لِبَاسٍ /libās/ di sini diterjemahkan secara harfiah ke bahasa Melayu '...menjadikan untukmu malam (sebagai) pakaian'. Al-Ṭabariy menyebutkan Surah al-Furqān ayat 47 ini bagi membuktikan bahawa makna lain dari kata لِبَاسٍ /libās/ adalah 'ketenangan', bukan hanya 'pakaian'.

<sup>2</sup> Terjemahan Melayunya 'dan pakaian takwa, itulah yang paling baik', dengan nota kaki, bahawa yang dimaksud dengan *pakaian takwa* adalah "selalu bertakwa kepada Allah", dan versi yang lainnya "dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya".

adalah wujudnya apa yang ia sebut dengan الْمَفَارِقَةُ الْمُعْجَمِيَّةُ /al-mufāraqat al-mu‘jamiyyat/ 'jarak leksikal', iaitu bahawa takwa itu tidak memiliki pakaian dan seorang yang bertakwa tidak disyaratkan memakai pakaian tertentu. Dengan kata lain, ketika kata لِبَاسٍ /libās/ 'pakaian' berkombinasi dengan kata التَّقْوَى /al-taqwā/ 'takwa', maknanya bukan lagi makna asal, iaitu 'pakaian'. Oleh itu, pencarian maknanya menjadi bergantung pada hubungan leksikal yang dapat diterima antara kedua perkataan itu. Apabila kita mencari hubungan yang dapat diterima dari kombinasinya kedua-dua perkataan itu, ditemui bahawa kata لِبَاسٍ /libās/ tidak hanya digunakan untuk makna 'pakaian' sahaja, tetapi ia juga sebagai infinitif dari kata kerja (KK) لَابَسًا - يُلَابِسُ - لَابَسَ /lābasa - yulābisu - libāsan - wa mulābasatan/ yang bermakna خَالَطَ وَزَاوَلَ /khālaṭa wa zāwala/ 'mencampuri, menggauli, dan mempraktikan, melaksanakan'. Maka bila kedua-dua perkataan itu kita ikat dengan makna ini, makna kombinasi kedua-dua perkataan itu pun akan menjadi lurus, iaitu "mempraktikkan takwa adalah lebih baik". Dan makna لِبَاسٍ /libās/ dalam surah al-Baqaraṭ ayat 187 adalah "menggauli mereka".

Kesulitan lain dalam menterjemahkan kombinasi kata-kata adalah adanya faktor kebudayaan tertentu. Beberapa kata yang muncul dalam sebuah ayat ada yang menggambarkan unsur kebudayaan. Faktor kebudayaan ini diduga akan menjadi penyebab timbulnya kemusykilan dalam proses penterjemahannya kerana makna kebudayaan kata dalam sebuah BT tidak selamanya memperoleh makna yang sepadan dalam bahasa sumber (BS). Mengikut pendapat Bugarski:

It is well known that cultural elements and systems ranging from food, clothing, leisure, and sports to economy, politics, religion, law and philosophy, frequently do not match between any two cultures, expressed by their respective languages. This, of course, poses considerable problem in field of translation, and it is surely no exaggeration to say that translation is not only an interlinguistics but also an intercultural operation (Bugarski, 1985: 159-63).

Banyak contoh yang kita temui dalam kehidupan sehari-hari, misalnya ungkapan:

- (18) عَادَ بِحُفَيِّ هُنَيْنٍ  
/āda bi khuffay ḥunayn/  
ia telah kembali dengan dua kasut Hunayn<sup>3</sup>  
'Ia kembali sia-sia'
- (19) مِسْمَارُ جُهَّاءٍ  
/mismār juḥā/  
'paku Juḥā'
- (20) جَزَاءُ سِنِمَّارٍ  
/jazā' sinimmār/.  
'balasan Sinimmār'

Kata-kata yang berkombinasi tetap dan telah menjadi peribahasa ini tidak mudah untuk diterjemahkan ke bahasa Melayu kerana adanya perbezaan budaya antara kedua bahasa. Beberapa di antara peribahasa tersebut mungkin akan mendapat padanan peribahasa serupa dalam bahasa Melayu setelah kita mengetahui makna

---

<sup>3</sup> Asal mula kisahnya adalah bahawa Hunayn, seorang penjual kasut yang marah terhadap seorang Arab badwi yang menawar dengan perkataan yang menyakitkan hatinya. Setelah si Arab badwi ini pergi, Hunayn pun berniat untuk membalas dendam dengan membawa sepasang kasut yang ditawarkan si Arab badwi tersebut, lalu ia mencampakkannya sebelah di satu tempat dan sebelah lagi di tempat yang berasingan. Ketika si Arab badwi tersebut melewati sebuah kasut yang dilemparkan Hunayn, ia memungutnya dan berkata dalam hatinya, “Sungguh, kasut ini seperti kepunyaan Hunayn. Sayang, hanya sebelah. Andaikata ada sebelah lagi, aku akan mengambilnya”. Lalu ia mencampakkan sebelah kasut tersebut dan ia pun melanjutkan perjalanannya. Tidak berapa lama, si Arab badwi ini menemui sebelah kasut lagi dan ia pun berhenti. “Ah, cuba kalau yang sebelah tadi aku bawa, sekarang aku temui pasangannya”. Si Arab badwi itu menyesal. Sementara itu, Hunayn yang mengikuti perjalanan si Arab badwi ini, telah menyembunyikan kasut pertama yang tadi ditemui si Arab badwi tersebut. Kerana keinginannya yang sangat kuat untuk memiliki kasut tersebut, si Arab badwi kembali ke arah di mana ia menemui sebelah kasut dan meninggalkan haiwan tunggangannya. Melihat kesempatan ini, Hunayn menghampiri haiwan tersebut dan membawanya lari beserta seluruh apa yang berada di atasnya. Ketika si Arab badwi kembali ke kampungnya, orang-orang bertanya, “Engkau kembali membawa apa dari perjalananmu?”. Ia menjawab, “Aku datang membawa sepasang kasut Hunayn. Maka setelah itu, ungkapan ini menjadi peribahasa di kalangan masyarakat Arab (Munir, 2001).

yang dimaksudkan. Misalnya, contoh (18) yang bermakna ‘Ia kembali sia-sia’ dalam bahasa Melayu dikenal dengan ungkapan ‘Ia kembali dengan tangan hampa’. Sementara contoh (19) hanya dapat dimengerti dengan penjelasan dan tidak ada padanannya dalam bahasa Melayu <sup>4</sup>. Sedangkan contoh (20) dalam peribahasa Melayu dikenal dengan peribahasa *Air susu dibalas dengan air tuba*. <sup>5</sup>

Maka bertolak dari adanya masalah seperti dijelaskan dalam contoh-contoh di atas, kajian ini perlu dilakukan dengan anggapan bahawa jenis dan makna kolokasi dalam bahasa Arab yang bermacam-macam itu dapat menimbulkan masalah dalam proses penterjemahan.

---

<sup>4</sup> Juhā di kalangan masyarakat Arab dikenal sebagai tokoh jenaka yang mahir mengakali orang lain. Asal kisah Paku Juhā adalah ketika Juhā hendak menjual rumahnya dengan harga yang sangat murah. Ketika seseorang mengetahui hal itu, tanpa fikir panjang ia mengutarakan kehendaknya untuk membeli rumah Juhā tersebut. “Betul, rumah ini saya jual dengan harga yang sangat murah, tetapi dengan satu syarat”. Kata Juhā, “Rumah ini boleh engkau beli kecuali sebuah paku yang tertancap di dinding salah satu bilik”. Demikian, Juhā menjelaskan. “Apalah arti sebuah paku”, fikir si pembeli tanpa curiga terhadap akal bulus Juhā dan ia pun langsung membayar harga rumah tersebut. Namun, beberapa hari kemudian, ia dikejutkan oleh kedatangan Juhā. Kepada si pemilik rumah ia menjelaskan bahawa maksud kedatangannya itu sekadar memastikan bahwa paku yang tertancap di dinding salah satu bilik rumah tersebut masih ada. Maka si pemilik rumah yang baru ini mempersilakannya masuk dan memperlakukannya sebagaimana layaknya kepada seorang tetamu bahkan ia dijamu makan dan minum. Setelah makan minum, si pemilik rumah mengira bahawa Juhā akan berpamitan, namun dugaannya itu meleset sehingga ia pun menjadi kesal kerananya. Dan kekesalannya itu semakin bertambah bercampur kaget manakala Juhā melepaskan jubahnya dan membentangkannya di atas lantai dan bersiap untuk tidur. Melihat hal seperti itu, pemilik rumah kehilangan kesabarannya dan ia pun berkata, “Apa yang hendak kamu lakukan, Juhā?”. Dengan tenang Juhā menjawab, “Saya akan tidur di bawah naungan pakuku”. Perbuatan Juhā seperti ini berulang dari satu hari ke hari lainnya dan kedatangannya tersebut selalu disesuaikan dengan waktu makan si pemilik rumah. Tak tahan dengan perbuatan Juhā tersebut, akhirnya si pemilik rumah meninggalkan rumah yang telah ia beli dengan harga murah tersebut (Munīr, 2001). Padanan yang paling dekat dalam bahasa Melayu adalah peribahasa Abu Nawas yang diertikan sebagai orang yang pandai membuat helah ([http://books.google.com/books?id=wjoqNM19h\\_gC&pg=PA1&lpg=PA1&dq=akal+abu+nawas+peribahasa&source=bl&ots=rv8pB5ikNE&sig=Xj1-kryHwIGZd\\_dYAxYcT-7IYA&hl=en&ei=qAAxSvyvOqPqsgPjkpz4Dg&sa=X&oi=book\\_result&ct=result&resnum=7](http://books.google.com/books?id=wjoqNM19h_gC&pg=PA1&lpg=PA1&dq=akal+abu+nawas+peribahasa&source=bl&ots=rv8pB5ikNE&sig=Xj1-kryHwIGZd_dYAxYcT-7IYA&hl=en&ei=qAAxSvyvOqPqsgPjkpz4Dg&sa=X&oi=book_result&ct=result&resnum=7))

<sup>5</sup> Sinimmār adalah seorang pakar bangunan berkebangsaan Romawi. Ia membangun sebuah istana untuk al-Nu‘mān bin Imr al-Qays di Kufah, Iraq. Setelah selesai membangun, Sinimmār bukannya mendapatkan upah, malahan ia dicampakkan dari bahagian atas istana sehingga terjatuh dan langsung mati. Alasan al-Nu‘man membunuhnya adalah agar Sinimmār tidak membangun istana yang serupa bagi orang lain (Al-Khūyiy, 2000: 141).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Penggunaan kolokasi terdapat dalam banyak bahasa termasuklah bahasa Arab. Penggunaannya yang tepat akan memberikan terjemahan yang baik kepada pembaca. Selain itu, kolokasi juga berpengaruh dalam makna kontekstual dan sosial. Apabila kolokasi Bahasa Arab diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, kemungkinan wujud masalah kerana tidak mempunyai padanan yang sesuai. Hal ini berlaku kerana terdapat banyak kitab-kitab agama berbahasa Arab yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu yang tidak berkualiti serta mengandungi kesalahan makna. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa kajian kolokasi dalam kedua-dua bahasa ini amat penting. Persoalan utama penulis ialah, apakah jenis kolokasi yang terdapat dalam Bahasa Arab dan apakah strategi yang digunakan oleh penterjemah ketika memindahkannya ke dalam bahasa Melayu?

Justeru, kajian ini akan menumpukan kepada Kitab Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* serta strategi penerjemahannya ke dalam bahasa Melayu, sama ada Melayu-Malaysia mahupun Melayu- Indonesia.

Kajian ini akan menjawab soalan ini dengan memberikan jawapan terhadap soal-soalan berikut:

1. Apakah jenis kolokasi yang terdapat dalam Tafsir *Fī Zilāl Al-Qur'ān*?
2. Bagaimana penterjemahan kolokasi itu dilakukan ke bahasa Melayu, sama ada Melayu-Malaysia atau Melayu-Indonesia<sup>6</sup>.

---

<sup>6</sup> Istilah “Melayu-Indonesia” penulis berpedoman kepada penggunaannya oleh linguis Indonesia, Harimurti Kridalaksana dalam Kushartanti *et al* (ed.) (2005: 140) dan kenyataan sejarah bahawa asal bahasa Indonesia adalah bahasa Melayu (Asmah Haji Omar, 1993a: 17 dan 1993b: 36)

### 1.3 **Objektif kajian**

Kajian ini bertujuan:

1. Mengenal pasti kolokasi bahasa Arab dalam buku yang diterjemahkan ke bahasa Melayu.
2. Mengklasifikasikan jenis-jenis kolokasi bahasa Arab yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu.
3. Menganalisis makna-makna kolokasi bahasa Arab yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu.
4. Membincangkan metodologi yang digunakan oleh penterjemah Kitab *Fī Zilāl al-Qur'ān*.
5. Menganalisis/ mengenal pasti kesalahan yang dilakukan penterjemah ketika memindahkan makna kolokasi tersebut.
6. Mengenal gaya penterjemahan ke Melayu-Malaysia dan Melayu-Indonesia

### 1.4 **Kepentingan Kajian**

Kadar kepentingan kolokasi dapat dilihat dari sekurang-kurangnya dua segi, iaitu segi pembelajaran bahasa asing dan segi penterjemahan. Jika bahasa Arab kita sejajarkan dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa asing bagi penutur Melayu, maka apa yang dikemukakan oleh Hill dalam tulisannya yang bertajuk “*Revising priorities: from grammatical failure to collocational success*” (Hill dalam Lewis (ed.), 2000: 47-69). kiranya patut kita perhatikan. Ia mencadangkan bahawa lebih memperhatikan lexis dari nahu dalam pengajaran bahasa bukan saja merupakan sebuah perubahan yang sederhana, tetapi merupakan sebuah revolusi (2000: 47). Menurut Simatupang, ayat yang dianggap benar menurut nahu belum tentu wajar,

misalnya *\*kill the lamp* sebagai terjemahan dari ujaran Melayu Indonesia “matikan lampu”. Dalam bahasa Melayu Indonesia, KK "mematikan" boleh berkombinasi dengan KN "lampu", tetapi tidak demikian dalam bahasa Inggris. KK *kill* tidak pernah berkombinasi dengan KN *lamp* (Simatupang, 1993: 38). Contoh yang sangat populer diberikan oleh Chomsky (1957: 15) "*colourless green ideas sleep furiously*". Secara nahu, ayat ini betul kerana subjek *green ideas* adalah KN jamak sehingga predikatnya menyesuaikan diri. Keterangan *furiously* pun merupakan bentuk yang benar kerana mempunyai akhiran *-ly*. Akan tetapi ayat ini secara logik ganjil atau tidak betul, kerana gabungan *ideas* dengan *green*, apalagi dengan *colourless* dan dengan predikat *sleep*, merupakan gabungan yang tidak masuk akal. Selain itu, KK ini diberi keterangan *furiously*. Kombinasi *\*to sleep furiously* merupakan kombinasi yang bercanggahan secara semantik. Perbuatan *sleep* 'tidur' berlaku dalam kondisi tidak aktif, sedangkan adverba *furiously* 'dengan meradang; sangat marah' tidak mungkin dilakukan dalam kondisi seperti itu. Pendek kata, ayat ini secara nahu betul, tetapi secara semantis tidak dapat diterima.

Oleh itulah Brown (1974) berpendapat bahawa dalam mengajarkan bahasa asing, pengajaran tidak difokuskan pada sekadar pengenalan kata-kata baru atau sejumlah kosa kata, kerana "*Learning vocabulary by learning lists of words translated into the mother tongue is both dull and has some dangers from the point of view of concept formation and usage*" (ms. 2). Menurutnya, para penulis buku kursus dan pengajar yang sedar terhadap bahaya ini membiasakan pelajar berbicara dan menulis dalam ayat sempurna, melatih pelajar mengisi tempat kosong dengan ayat sempurna, memadankan dua bahagian daripada ayat, atau mengganti kata-kata dalam sebuah ayat, atau menulis ayat dengan menggunakan perkataan tertentu.

Sependapat dengan Brown, Hill (2000: 53) melihat bahwa kolokasi adalah penting dalam bidang pedagogi. Alasan pertama dan yang paling nyata adalah kerana *"the way words combine in collocations is fundamental to all language use"*. Menurut Hill, leksikon tidak arbitrari. Bahasa yang kita gunakan dalam bercakap atau menulis bukanlah sekadar senarai kosa kata yang dapat bertukar-ganti bagi mengisi slot dalam struktur nahu. Pemilihan kosa kata dapat diramalkan. Ketika seorang penutur berfikir tentang minuman, ia dapat menggunakan KK umum seperti *have*. Pendengar meramalkan sejumlah besar kemungkinan yang dapat berkombinasi dengan KK *have*, seperti *tea, coffee, milk, mineral water, orange juice*, bahkan *tequila sunrise*, dan sama sekali tidak akan meramalkan kata-kata seperti *engine oil, shampoo, sulphuric acid*. Demikian pula dalam bahasa Arab. Ketika seseorang mengucapkan kata-kata *أُرِيدُ أَنْ أَشْرَبَ* /urīd an asyraba.../ 'saya ingin minum...', maka yang diharapkan oleh pendengar, kata-kata yang berkombinasi dengan kata kerja *شَرِبَ* /syariba/ adalah sebagaimana dalam bahasa Inggeris di atas. Kata-kata yang boleh berkombinasi adalah seperti *الشَّاي* /al-syāy/ 'teh', *القَهْوَة* /al-qahwat/ 'kopi', *الحَلِيب* /al-ḥalīb/ 'susu', *المِيَاهُ الْمَعْدَنِيَّة* /al-miyāh al-ma`daniyyat/ 'air mineral', atau *عَصِيرُ الْبُرْتُقَالِ* /`aşīr al-burtuqāl/ 'jus oren' dan bukannya kata-kata seperti *زَيْتُ الْمَحْرَكِ* /zayt al-mmuharrik/ 'minyak mesin', *الشَّامْبُو* /al-shambū/ 'syampu', atau *حَامِضُ الْكِبْرَيْتِيك* /ḥāmid al-kibrītik/ 'asid sulfurik'.

Kolokasi, masih menurut Hill, selain dapat diramalkan, jumlahnya cukup banyak dalam suatu tuturan. Dua, tiga, empat bahkan lima kolokasi kata dapat membuat sejumlah peratusan besar tulisan, tuturan atau teks yang wajar. Menurutnya, lebih dari 70% dari yang kita ucapkan, kita dengar, kita baca atau kita tulis mengandungi ungkapan tetap.

Masih dari segi pedagogi, kolokasi juga membuat kita berfikir lebih cepat dan berkomunikasi lebih efisien. Penutur asli dapat bertutur dengan kecepatan yang ia lakukan semata-mata kerana memanggil sejumlah besar himpunan dari bahasa yang telah jadi yang secara langsung diperoleh dari leksikon mental mereka. Sama halnya, mereka dapat mendengar dan membaca dengan cepat kerana mereka secara terus menerus dapat mengenali unit-unit multi-kata dan bukannya memproses segala sesuatu kata demi kata. Menurut Hill (2000: 54-55), salah satu alasan utama mengapa pelajar bahasa asing mendapatkan kesulitan dalam mendengar dan membaca bukannya kerana adanya sejumlah besar kata-kata baru, tetapi kerana adanya sejumlah kolokasi yang tidak dikenal.

Dalam masalah penterjemahan, sebagaimana telah dikatakan di atas, kemampuan mengenal pasti kolokasi merupakan hal yang sangat penting bagi penterjemah. Ketidakmampuan mengenal pasti kolokasi akan menyebabkan penterjemah melakukan penerjemahan harfiah yang dapat berakibat fatal dalam menyampaikan pesan BS ke pembaca BT. Untuk ini, penyelidikan ini akan mengemukakan senarai kolokasi bahasa Arab disertai padanannya dalam bahasa Melayu. Penulis berkeyakinan bahawa kolokasi banyak terdapat dalam buku bahasa Arab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu yang setakat ini – sejauh pengetahuan penulis – belum banyak dikaji orang. Senarai kolokasi ini diharapkan akan menjadi bahan mentah yang dapat dirujuk siapa pun yang hendak membuat kamus dwibahasa. Senarai ini juga bermanfaat untuk pelajar dan pengajar bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dengan demikian, senarai ini sangat diperlukan manakala seorang pengajar atau penterjemah hendak menterjemahkan ungkapan bahasa Melayu ke bahasa Arab yang hendak mengesahkan apakah bahasa Arab yang

digunakannya itu secara wajar atau tidak. Misalnya, seorang pelajar hendak menterjemahkan frasa “lima puluh ekor lembu” ia akan menghindari kata ذَيْلٌ sebagai padanan kata “ekor” sehingga ia tidak menterjemahkannya menjadi:

- (21) \* خَمْسُونَ ذَيْلًا مِنَ الْبَقَرِ  
/khamsūna zaylan min al-baqar/  
\* 'lima puluh ekor dari lembu'

tetapi akan menggunakan ungkapan bahasa Arab yang wajar iaitu:

- (22) خَمْسُونَ رَأْسًا مِنَ الْبَقَرِ  
/khamsūna ra'san min al-baqar/  
lima puluh kepala dari lembu  
'lima puluh ekor lembu'

Kajian ini juga penting kerana akan mengemukakan strategi yang digunakan penterjemah ketika berhadapan dengan masalah dalam menterjemahkan kolokasi. Strategi ini sangat berguna bagi orang-orang yang akan melakukan penterjemahan ketika mereka berhadapan dengan masalah serupa.

Dengan demikian, penyelidikan ini akan memberikan sumbangan dalam menambah senarai rujukan dalam dua bidang, iaitu bidang pengajaran bahasa Arab dan dalam bidang penterjemahan.

## 1.5 Batasan kajian

Kajian ini dibatasi pada teori padanan penterjemahan tertentu dengan maksud untuk mengaplikasikan teori ini dalam menganalisis kolokasi. Penulis bersandar pada teori yang menyatakan kemungkinan adanya padanan penterjemahan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu, khususnya yang berkaitan dengan kolokasi. Teori ini

adalah yang dikenal dengan penterjemahan padanan dinamis yang diperkenalkan oleh Nida iaitu penterjemahan yang memfokuskan perhatiannya pada mesej BS dan bukannya pada bentuknya. Penterjemahan padanan dinamis ini didefinisikan sebagai “*the closest natural equivalent to the source-language message*”, (Nida, 1964: 166). iaitu padanan wajar yang terdekat dengan pesan BS. Definisi ini mengandungi tiga istilah yang sangat penting: (1) padanan, yang mengacu pada pesan BS, (2) wajar, yang mengacu pada BT, dan (3) terdekat yang mengikat kedua orientasi secara bersamaan berdasarkan kadar yang paling mendekati ketepatan mutlak.

Penterjemahan padanan dinamis ini juga dikenal sebagai penterjemahan idiomatis sebagaimana yang diperkenalkan oleh Beekman dan Callow. Dalam penterjemahan idiomatis, penterjemah berusaha menyampaikan makna teks asli kepada pembaca bahasa penerima dengan menggunakan bentuk tatabahasa dan kosa kata bahasa penerima yang wajar (Beekman and Callow, 1974: 24).

Selain itu, kajian tentang penterjemahan kolokasi bahasa Arab ini akan menumpukan kepada buku *Fī Zilāl al-Qur’ān* karangan Sayyid Qutb dan terjemahannya dalam bahasa Melayu-Malaysia dan Melayu-Indonesia

Kedua-dua versi terjemahan ini sengaja digunakan bagi mengetahui gaya penterjemahan masing-masing dan sejauh mana ketepatan penterjemahan kolokasi ke kedua-dua bahasa tersebut.

## **1.6 Bidang kajian**

Kajian tentang masalah penterjemahan kolokasi bahasa Arab ke bahasa Melayu akan mencakupi bidang-bidang yang berkaitan dengan dua pokok persoalan iaitu kolokasi dan penterjemahan. Bidang yang dicakupi oleh kolokasi adalah lexis

yang terdiri atas partikel, kata, frasa dan ayat, manakala bidang penterjemahan mencakupi semantik.

## 1.7 Tinjauan Kajian Berkaitan

Bahagian ini akan menghuraikan secara ringkas kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kolokasi bahasa Arab dan kajian berkaitan dengan terjemahan Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān*.

Kajian tentang kolokasi bahasa Arab dapat dibagi sama ada secara umum mahupun secara khas.

### 1.7.1 Kajian Kolokasi Bahasa Arab Secara Umum

Yang dimaksud dengan sub-bab ini adalah kajian beberapa pakar bahasa Arab yang membincangkan kolokasi bahasa Arab dalam beberapa buku yang mereka tulis bukan khas berkaitan dengan kolokasi. Misalnya al-Sakkākiy (wafat 1228) yang menulis buku bertajuk *مِفْتَاحُ الْعُلُومِ* /miftāḥ al-'ulūm/ (1937). Menurut Izwaini (2004: 15) buku ini merupakan rujukan kolokasi bahasa Arab paling awal. Dalam bukunya ini al-Sakkākiy di antaranya mengatakan:

إِذَا شَرَعْتَ فِي الْكَلَامِ فَلِكُلِّ كَلِمَةٍ مَعَ صَاحِبَتِهَا مَقَامٌ وَلِكُلِّ حَدٍّ يَنْتَهِي إِلَيْهِ الْكَلَامُ مَقَامٌ وَارْتِفَاعٌ شَأْنِ الْكَلَامِ فِي بَابِ الْحُسْنِ وَالْقَبُولِ وَأَنْحِطَاتِهِ فِي ذَلِكَ بِحَسَبِ مُصَادَفَةِ الْكَلَامِ لِمَا يَلِيْقُ بِهِ وَهُوَ الَّذِي نُسَمِّيهِ مُفْتَضَى الْحَالِ.

"Apabila anda mulakan berbicara, maka setiap perkataan bila wujud bersama perkataan lainnya adalah merupakan sebuah konteks, had di mana sebuah perkataan berakhir adalah juga merupakan konteks. Tinggi dan rendahnya kedudukan perkataan ditinjau dari segi keelokan dan kebolehannya diterima berdasarkan pada kesesuaian perkataan dengan konteksnya, maka itulah yang disebut dengan *مُفْتَضَى الْحَالِ* /muqtaḍā al-ḥāl/ 'sesuai dengan konteks' (al-Sakkākiy, 1937: 74)

Apa yang dikemukakan oleh ini dapat dilihat dalam penggunaan ungkapan penghormatan atau doa yang biasa digunakan setelah nama diri Allah, Rasul-Nya Muhammad, dan para sahabat Rasulullah SAW. Jika nama Allah disebut, biasanya diikuti ungkapan Subhanahuwataala (biasa dipendekkan menjadi SWT) atau Azzawajalla. Manakala nama Muhammad disebut ungkapan yang sentiasa menyertainya adalah Sallallahualaihiwasallam yang biasa dipendekkan menjadi SAW, dan manakala nama seorang sahabat disebut pada umumnya ungkapan radiallahuanhu menyertainya <sup>7</sup>. Ungkapan terakhir ini meskipun maknanya baik, iaitu ‘moga-moga Allah memberi keredaan kepadanya’ (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 1265) tidak akan pernah ditemui muncul setelah nama Rasulullah Muhammad kerana tidak sesuai dengan الْمُقْتَضَى الْحَالِ /muqtaḍā al-ḥāl/.

Sama halnya dengan al-Sakkākīy, al-Jāhiz dalam bukunya yang bertajuk الْخَصَائِصِ /al-khaṣāiṣ/ (1968: I,18) juga membincangkan fenomena kolokasi. Ia melihat bahawa penggunaan sebuah perkataan bergantung pada konteks. Ia menjelaskan, bahawa Allah SWT. dalam al-Quran tidak menggunakan perkataan الْجُوعِ /al-jū/ ‘lapar’ kecuali dalam konteks hukuman, kefakiran yang merendahkan diri, dan kelemahan yang nyata. Sementara manusia, menurut sasterawan Arab yang hidup pada tahun 159-255 H ini , menggunakan perkataan tersebut dalam keadaan mampu dan sihat. Menurutnya, perkataan yang tepat untuk keadaan seperti ini adalah السَّغْبِ /al-saghb/ yang juga bererti ‘lapar’.

﴿ وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعَمِ اللَّهِ فَأَذَقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ﴾

<sup>7</sup> Huraian lebih lanjut sila rujuk sub-bab 6.1.2.4 tentang Kolokasi Ungkapan Am.

"dan (berhubung dengan hal kaum yang kufur ingkar) Allah memberikan satu contoh: sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya, yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan".

Surah al-Naḥl 112.

Al-Jāḥiẓ juga melihat bahawa perkataan *الْمَطَرِ* /al-maṭar/ 'hujan' dan KK terbitannya *أَمْطَرَ* /amṭara/ 'menghujani' sentiasa muncul dalam konteks keadaan negatif atau hukuman sebagaimana tampak dalam kutipan ayat-ayat al-Quran berikut<sup>8</sup>:

﴿.... وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ كَانَ بِكُمْ أَذًى مِنْ مَطَرٍ أَوْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَنْ تَضَعُوا  
أَسْلِحَتَكُمْ وَخُذُوا حِذْرَكُمْ إِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُهِينًا﴾

"...dan tidaklah kamu berdosa meletakkan senjata masing-masing, jika kamu dihalangi sesuatu yang menyusahkan disebabkan hujan atau kamu sakit. dan hendaklah kamu mengambil langkah berjaga-jaga. Sesungguhnya Allah telah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang amat menghina.

Surah al-Nisā' 102

﴿وَلَقَدْ أَنْوَأْنَا عَلَى الْقَرْيَةِ الَّتِي أَمْطَرْنَا مَطَرًا سَوَاءً...﴾

"dan demi sesungguhnya, mereka (yang menentangmu wahai Muhammad) telah melalui bandar yang telah dihujani (dengan) azab yang buruk, ...".

Surah al-Furān 40

﴿وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنْذَرِينَ﴾

"dan Kami hujani mereka dengan hujan (azab yang membinasakan); maka amatlah buruknya hujan azab yang menimpa kaum yang telah diberi amaran".

Surah al-Syu'arā' 173

Linguis Arab Ibn Fāris (Wafat 395 H) (1947) telah membahas fenomena kolokasi yang ia namakan *الِإِتْبَاعُ وَالْمُزَاوَجَةُ* /al-itbā' wa al-muzāwajāt/. Yang dimaksudkan dengan *الِإِتْبَاعُ* /al-itbā'/ yang secara harfiah bererti 'mengikutkan', iaitu satu kata diikuti oleh kata yang lain yang seirama sehingga menimbulkan bunyi yang

<sup>8</sup> Al-Jāḥiẓ tidak mengutip ayat-ayat al-Quran seperti di atas. Kutipan dilakukan oleh penulis.

elok dari segi kata dan memperkuatnya dari segi makna. Misalnya kolokasi antara dua kata *حِسٌّ* /hiss/ dan *جِرْسٌ* /jirs/ dalam ungkapan:

- (23) وَمَا سَمِعْتُ لَهُ حِسًّا وَلَا جِرْسًا  
/wa mā sami'tu lahu ḥissan wa lā jirsan/  
'Saya tidak mendengar suara apa pun'.

Sedangkan yang dimaksud dengan *الْمُزَاوَجَةُ* /al-muzāwajaṭ/ yang secara harfiah bererti 'menjadikan berpasangan' adalah dengan mengubah salah satu dari kedua-dua kata agar sesuai dalam baris dan polanya seperti dalam hadis:

- (24) لَا دَرَيْتَ وَلَا تَلَيْتَ  
/lā darayta wa lā talayta/  
'Kamu tidak dapat dan tidak dapat'

Kata *تَلَيْتَ* /talayta/ asalnya *تَلَوْتُ* /talawta/ kemudian huruf *wāw*-nya diubah menjadi huruf *yā*' sehingga berbunyi *تَلَيْتَ* /talayta/. Ibn Fāris membagi *الإِتْبَاعُ* /al-itbā'/' menjadi dua jenis. Pertama, *الإِيتْبَاعُ* /al-itbā'/' yang memiliki unsur leksikal yang diikuti oleh unsur leksikal yang bermakna penuh dan sama-sama berakar tiga huruf asal tetapi dengan bentuk yang berbeza. Misalnya, *لَيْلٌ لَّيْلٌ* /laylun lā'il/ dan *صَدِيقٌ* /ṣadiq ṣadūq/. Dalam contoh pertama, unsur leksikal diikuti oleh *إِسْمٌ فَاعِلٌ* /ism fā'il/ 'active participle' *لَّيْلٌ* /lā'il/ yang berasal dari akar yang sama *ل-ي-ل* /l-y-l/ yang secara harfiah ertinya 'malam yang malam', dan yang dimaksud adalah 'sebuah malam yang panjang'. Dalam contoh kedua, unsur leksikal diikuti oleh kata yang juga berasal dari akar yang sama *ص-د-ق* /ṣ-d-q/, yang secara harfiah bererti 'sahabat yang sangat mesra' dan yang dimaksud adalah 'sahabat setia'.

Fenomena الإِتْبَاع /al-itbā‘/ ini melakukan dua fungsi: ia menegaskan makna unsur leksikal pertama, dan menciptakan resonansi musik yang indah yang dihasilkan dari pengulangan akar kata yang sama. Dalam jenis الإِتْبَاع /al-itbā‘/ yang kedua, unsur leksikal yang kedua boleh jadi tidak bermakna. Ia digunakan semata-mata untuk menimbulkan kesan musik. Misalnya, شَيْطَانٌ لَيْطَانٌ /syayṭān layṭān/ 'setan', di mana unsur leksikal yang kedua tidak mengandung erti, semata-mata hanya bagi menimbulkan rima seperti unsur leksikal yang pertama yang sama-sama berakhiran طَانٌ /-ṭān/. Ibn Fāris membuat senarai contoh dari kedua jenis الإِتْبَاع /al-itbā‘/ ini dan menggarisbawahkan bahawa nahu boleh menjelaskan kemunculan unsur-unsur leksikal secara bersamaan dalam pola-pola kolokasi tertentu.

Linguis Arab sesudahnya mengkaji kolokasi dengan berbagai istilah seperti الرِّصْفُ /al-raṣf/ atau النَّظْمُ /al-naẓm/ yang digunakan oleh ‘Umar (1982: 74) dalam bukunya عِلْمُ الدَّلَالَةِ /‘ilm al-dilālat/ 'semantik' yang juga digunakan oleh Qaddūr dan ia menambahkan istilah lain iaitu التَّسَاوُقُ /al-tasāwuq/ (Qaddūr, 1996: 300), sementara ‘Abd menggunakan istilah المَصَاحِبَاتُ اللَّفْظِيَّةُ /al-muṣāḥabāt al-lafziyyat/ (al-‘Abd, 1988: 103), ‘Abd al-‘Azīz menggunakan istilah المَصَاحِبَةُ /al-muṣāḥabat/ (‘Abd al-‘Azīz, 1990).

‘Umar membahas kolokasi dalam kaitannya dengan teori konteks yang ia anggap sebagai salah satu jenis konteks bahasa bahkan merupakan pengembangan dari teori konteks. Oleh kerana itu, ia berpendapat bahawa ada linguis yang menganggapnya sebagai teori tersendiri yang dikenal dengan nama “*collocational theory*”, dan mengutip pendapat Coseriu (1974), teori ini juga dinamakan “*distributional method*”. ‘Umar berpendapat bahawa hubungan konteks dalam dua bahasa jarang sekali bersesuaian, kecuali dengan cara penterjemahan harfiah. KK

يَشْرَبُ /yashrab/ 'minum' misalnya dalam bahasa Arab 'āmiyah<sup>9</sup> berkolokasi dengan kata-kata seperti dalam ungkapan:

- (25) يَشْرَبُ مَقْلَبُ /yashrabu maqlab/ 'minum tempat pembuangan sampah'
- (26) يَشْرَبُ سِجَارَةَ /yashrabu sijārat/ 'minum sigaret: merokok'
- (27) يَشْرَبُ مِنَ الْبَحْرِ /yashrabu min al-baḥr/ 'minum dari laut'
- (28) يَشْرَبُ مِنْ كَيْعَانِهِ /yashrabu min kī'ānihi/ 'minum dari sikunya'

KK يَشْرَبُ /yasyrabu/ yang secara leksikal bermakna 'minum' boleh berkolokasi dengan sejumlah kata dan frasa seperti dalam contoh-contoh di atas meskipun antara kedua-dua unsur bahasa tersebut tidak bersesuaian. Penutur asli bahasa Arab akan memahami apa yang dimaksud, sementara yang bukan penutur asli akan menerjemahkannya secara harfiah sebagaimana tertulis di atas.

Mengikuti definisi yang dikemukakan oleh Fāyid (2007: 266), ungkapan dalam contoh (25) bererti اِنْخَدَعَ /inkhada'a/ 'tertipu', dan ungkapan dalam contoh (27) bererti مَاتَ بِغَيْظِهِ، تَمَيَّرَ غَيْظًا، اِشْتَدَّ ضَيْعُهُ /māta bi ghayzihi, tamayyaza ghayzan, isytadda ḍiquhu/ 'sangat marah, sangat kesal'. Penjelasan ungkapan dalam contoh (28), penulis peroleh setelah menanyakannya kepada penutur asli, melalui forum *Word Arab Translator's Association* (WATA) <http://www.arabswata.org/forums>. Salah seorang ahli forum, Fāyid (2007), professor dialektologi dan kajian bahasa di Universiti Kaherah memberikan penjelasan bahawa شَرِبَ (فُلَانٌ) مِنْ كَيْعَانِهِ /syariba (fulān) min kī'ānihi/ harfiah 'seseorang minum dari sikunya', maksudnya 'menderita, menghadapi kesukaran hidup yang sangat berat'. Contoh penggunaannya dalam ayat:

<sup>9</sup> Iaitu bahasa Arab percakapan dalam dialek semasa.

– إِنَّهُ شَابٌ مُكَافِحٌ صَبُورٌ ، شَرِبَ مِنْ كَيْعَانِهِ حَتَّى أَكْمَلَ تَعْلِيمَهُ .

/innahu syābbun mukāfiḥ ṣabūr, syariba min ki'ānihi ḥattā akmala ta'limahu/

'ia pemuda yang berjuang dengan sabar, hidup menderita penuh kesukaran hingga menyelesaikan pelajarannya'.

'Umar melihat beberapa manfaat dari penerapan teori kolokasi ini, di antaranya teori ini memberikan kriteria untuk membezakan homonimi dari satuan leksikal yang mempunyai makna yang terbatas. Homonimi adalah kata-kata yang ucapannya sama tetapi maknanya berbeza. Kolokasi memudahkan dalam mengetahui perbezaan makna tersebut. Misalnya,<sup>10</sup>

(29) يَجْمُدُ السَّائِلُ فِي الْبُرُودَةِ

/yajmudu al-sā'il fī al-burūdat/  
'benda cecair membeku dalam suhu sejuk'

(30) لَا تَنْهَرِ السَّائِلَ

/lā tanhar al-sā'ila/  
'Janganlah menghardik peminta sedekah'

(31) أَجِبِ السَّائِلَ مِنْ فَضْلِكَ

/ajibi al-sā'i a min faḍlik/  
'tolong, jawablah orang yang bertanya'

Dalam contoh (29), (30) dan (31) di atas terdapat kata-kata yang berhomonimi yaitu السَّائِلُ /al-sā'il/ yang berbeza maknanya antara satu dengan lainnya. Yang membezakan makna tersebut adalah kata-kata yang berkolokasi dengannya. Dalam contoh (29) kata السَّائِلُ /al-sā'il/ berkolokasi dengan KK يَجْمُدُ /yajmudu/ 'membeku', dalam contoh (30) dengan KK تَنْهَرُ /tanhar/

<sup>10</sup> Contoh-contoh nombor (29) hingga (31) bukan berasal dari 'Umar, melainkan dari penulis.

'menghardik', dan dalam contoh (31) dengan KK perintah أَجِبْ /ajib/ 'jawablah'. Ketiga-tiga KK inilah yang menjadikan kata السَّائِلِ /al-sā'il/ berbeza-beda maknanya.

Selain itu, teori kolokasi juga membantu dalam memberikan batasan pada ungkapan. Manakala sebuah kata kemunculannya selalu didampingi kata tertentu, maka besar kemungkinan kemunculannya yang selalu bersamaan itu sebagai kriteria untuk menganggap kebersamaannya itu sebagai satu kosa kata (ungkapan). Contoh:

- (32) ضَرَبَ الطِّفْلُ قِطًّا  
/ḍaraba al-tiflu qiṭṭan/  
'Budak kecil itu memukul seekor kucing'
- (33) ضَرَبَ الْمُسَافِرُ فِي الْأَرْضِ  
/ḍaraba al-musāfiru fī al-arḍi/  
'Musafir itu melakukan perjalanan'
- (34) ضَرَبَ الْعُمَّالُ عَنِ الْعَمَلِ  
/ḍaraba al-'ummālu 'an al-'amal/  
'Para pekerja itu mogok kerja'
- (35) ضَرَبَ الْمُدَرِّسُ لِلطَّلَبَةِ مَثَلًا  
/ḍaraba al-mudarrisu li al-ṭalabati mathalan/  
'Guru itu membuat sebuah perumpamaan bagi para pelajar'

Dalam keempat contoh di atas terdapat KK ضَرَبَ /ḍaraba/. Dalam contoh (32) KK tersebut mengandung makna asal yaitu 'memukul', sementara dalam contoh berikutnya, maknanya menjadi berbeza sesuai dengan kata-kata yang sentiasa berkolokasi dengannya. Dalam contoh (33) KK tersebut berkolokasi dengan FS فِي الْأَرْضِ /fī al-arḍi/ 'di bumi'. Kolokasi kata-kata ini telah menjadi satu kesatuan yang tak terpisahkan untuk memberikan satu ungkapan yang bermakna 'melakukan perjalanan'. Demikian pula halnya kolokasi KK tersebut dengan KSN عَنْ /'an/ dalam

contoh (34) sehingga bermakna 'mogok' dan dengan KN مَثَلًا /mathalan/ 'perumpamaan' dalam contoh (35).

Kolokasi – masih lagi mengikut pendapat ‘Umar -- juga memberikan batasan ruang lingkup keterkaitan setiap kata, yang bererti batasan penggunaan kata tersebut dalam bahasa. Pembatasan ruang lingkup ini membantu menyingkap perbezaan antara yang dianggap sebagai sinonim dalam bahasa. Hal itu kerana kata-kata yang dianggap bersinonim dalam bahasa lain jarang muncul dalam konteks atau kolokasi yang sama dan ini merupakan suatu keharusan bagi seseorang yang hendak menggunakan bahasa atau hendak mempelajarinya atau melakukan penterjemahan dari satu bahasa ke bahasa lain. Misalnya sebagaimana telah dikemukakan dalam penjelasan contoh (8) dan (9) dalam bab pertama, iaitu kata الْعَظِيمِ /al-‘aẓīm/ ‘Yang Maha Agung’ yang bersinonim dengan kata الْكَبِيرِ /al-kabīr/ ‘Yang Maha Besar’ di mana kedua-dua kata tersebut tidak dapat saling menggantikan dalam konteks yang sama. Ungkapan yang sentiasa kita dengar adalah صَدَقَ اللهُ الْعَظِيمِ /ṣadaqa allāh al-‘aẓīm/ ‘Maha Benar Allah Yang Maha Agung’ dan kita tidak akan pernah mendengar ungkapan \* صَدَقَ اللهُ الْكَبِيرِ /ṣadaqa allāh al-kabīr/, meskipun dari segi makna dapat kita terima. Demikian halnya ungkapan takbir yang sentiasa kita dengar adalah اللهُ أَكْبَرُ /allāhu akbar/ dan tidak pernah kita mendengar seseorang mengatakan اللهُ أَعْظَمُ /allāhu a‘ẓam/ meskipun kedua-dua KA أَكْبَرُ dan أَعْظَمُ itu bersinonim.

Teori kolokasi ini, sebagaimana digunakan untuk menyingkap perbezaan antara kosa kata dalam berbagai bahasa, juga digunakan untuk membezakan kosa kata dalam satu bahasa berdasarkan penjelasan distribusi masing-masing. Misalnya, KK ضَرَبَ /ḍaraba/ dalam contoh (32) hingga (35) di atas.

Terakhir, 'Umar melihat bahawa teori kolokasi ini bersifat praktikal, detil dan objektif. Sebagaimana yang dikatakan oleh pengikut aliran Firth, kriteria formal kolokasi dianggap sebagai kriteria yang tegas kerana lebih objektif, lebih cermat dan dapat diperhatikan. Hal itu seperti telah kita lihat bagaimana kolokasi dapat membezakan makna satu kata yang berkolokasi dengan kata-kata lain seperti yang telah dijelaskan dalam contoh-contoh di atas.

Sementara itu Qaddūr berpendapat bahawa konsep kolokasi dikemukakan oleh Halliday pada tahun enam puluhan berdasarkan pada pendapat bahawa makna kata terbentuk dari kemunculannya beserta sejumlah kata lain. Maka untuk memperoleh makna yang cermat, seseorang harus memperhatikan dengan baik unsur-unsur yang menyertai kata tersebut dalam konteks bahasa yang diterima oleh penutur bahasa itu. Dalam bahasa Arab, misalnya, Qaddūr memberikan contoh KK أَطْلَقَ /aṭlaqa/ yang makna dasarnya adalah 'melepaskan' tetapi bila digunakan dalam berbagai konteks, maknanya tentu berbeza dari satu konteks ke konteks lainnya, bergantung pada unsur ayat yang berkolokasi dengannya, seperti:

- (36) أَطْلَقَ حَيْثَهُ  
/aṭlaqa liḥyata-hu/  
harfiah : 'ia melepaskan janggutnya'  
maksudnya: 'Ia memanjangkan (memelihara) janggutnya'
- (37) أَطْلَقَ يَدَهُ فِي الْأَمْرِ  
/aṭlaqa yadahu fi al-amr/  
harfiah : 'ia melepaskan tangannya dalam perkara'  
maksudnya : 'ia ikut campur'
- (38) أَطْلَقَ عَلَيْهِ اسْمًا  
/aṭlaqa‘alayhi isman/  
harfiah : 'ia melepaskan nama atasnya'  
maksudnya: 'Ia memberi nama padanya'

- (39) أَطْلَقَ سَاقِيهِ لِلرِّيحِ  
 /aṭlaqa sāqayhi li al-rīh/  
 harfiah : 'ia melepaskan kedua betisnya bagi angin'  
 maksudnya: 'ia pergi'
- (40) أَطْلَقَ عَلَيْهِ الرِّصَاصَ  
 /aṭlaqa 'alay-hi al-raṣāṣ/  
 harfiah : 'ia melepaskan timah atasnya'  
 maksudnya: 'ia menembaknya'
- (41) أَطْلَقَ صَارُوكًا  
 /aṭlaqa ṣārūkhan/  
 harfiah : 'ia melepaskan roket'  
 maksudnya: 'ia melepaskan roket'
- (42) أَطْلَقَ سَرَاحَهُ  
 /aṭlaqa sarāḥahu/  
 harfiah : 'ia melepaskan pembebasannya'  
 maksudnya: 'ia membebaskannya'

Selain itu Qaddūr menyatakan bahawa KK أَطْلَقَ /aṭlaqa/ ini tidak pernah muncul dalam konteks-konteks seperti: \* أَطْلَقَ الْأُسْتَاذُ مُحَاضِرَةً /aṭlaqa al-ustādhu muḥāḍaratan/ \*'guru itu melepaskan syarahan'; \* أَطْلَقَ الرَّجُلُ الْمِلْحَ عَلَى الطَّعَامِ /aṭlaqa al-rajulu al-milḥa 'ala al ṭa'ām/ 'lelaki itu melepaskan garam atas makanan'; \* أَطْلَقَ الْعَالِمُ عِلْمَهُ عَلَى النَّاسِ /aṭlaqa al-'ālimu 'ilmahu 'ala al-nās/ 'orang berilmu itu melepaskan ilmunya atas orang-orang'.

Oleh itu, dengan penempatan KK tersebut dalam berbagai konteks, berbagai maknanya yang berbeza-beza dapat diketahui dengan jelas. Hal ini mempertegas apa yang dikemukakan oleh 'Umar di atas.

Al-'Abd menganggap kolokasi sebagai makna struktur kata dan merupakan masalah yang sangat penting dalam semantik moden. Di antara manfaat yang ia temui dari kolokasi ini adalah peranannya yang cukup besar dalam menyingkap ciri-

ciri khas bahasa sastra dan memberikan penjelasan tentang perubahan yang terjadi dalam bahasa tersebut dalam berbagai zaman, selain juga menyingkap keberadaan kolokasi baik dalam bentuk puisi ataupun prosa. Al-'Abd mengkaji puisi Jahili yang dianggapnya sebagai rujukan yang sangat kaya dengan kolokasi. Dari kajiannya itu, ia membagi kolokasi menjadi dua jenis, iaitu (1) *الْمُصَاحَبَةُ الْمُسْتَمِرَّةُ* /al-muṣāḥabaṭ al-mustamirraṭ/ 'kolokasi yang berterusan', iaitu yang masih berlaku hingga sekarang, dan (2) *الْمُصَاحَبَةُ الْمُنْقَطِعَةُ* /al-muṣāḥabaṭ al-munqaṭi'aṭ/ 'kolokasi yang terputus', iaitu yang tidak lagi digunakan sekarang. Untuk jenis pertama, al-'Abd memberi contoh, berkolokasinya KK *أَفْشَى* /afsyā/ 'menyebarkan' dengan KB *السِّر* /al-sirr/ 'rahsia' dalam bait Imr al-Qays:

- (43) *وَمَ يَرْنَا كَالْيِ كَاشِحٍ وَمَ يَفْشِ مِنَّا لَدِي الْبَيْتِ سِرٌّ*  
 /wa lam yaranā kaliyun kāsyihun wa lam yafsyu minnā laday al-bayt  
 sirrun/  
 'tak seorang pengawal pun yang pembenci melihat kita dan rahsia pun tidak  
 tersebar di rumah'

Dan berkolokasinya KK *عَضَّ* /ghaḍḍa/ 'memejamkan' dengan KN *الطَّرْف* /al-ṭarf/ 'mata' seperti dalam bait puisi al-A'syā':

- (44) *يَزِيدُ يَعْضُ الطَّرْفَ دُونِي ، كَأَنَّمَا زَوَى بَيْنَ عَيْنَيْهِ عَلَيَّ الْمَحَاجِمِ*  
 /yazīd yaghuḍḍu al-ṭarfa dūnī ka'annamā zawā bayna 'aynayhi 'alayya  
 al-mahājimu/  
 'Yazid memejamkan matanya dariku, seakan-akan ia menyembunyikan alat  
 bekam di hadapan kedua matanya daripadaku'

'Abd al-Azīz berpendapat bahawa sebahagian sasterawan dan linguist Arab telah memberikan perhatiannya terhadap fenomena kolokasi ini meskipun mereka

tidak menamakannya dengan nama kolokasi. Ia mengatakan bahawa al-Jāhiz melalui pandangannya yang tajam dan intuisinya yang peka telah memberikan batasan bahawa sebagian kata hanya dapat berkolokasi dengan kata tertentu dan tidak dengan yang lainnya. Menurutnya, Qudāmah bin Ja'far, al-Hamazaniy, al-Iskāfiy dan al-Tha'ālabiy telah membuat senarai kata yang dapat dijadikan referensi tentang fenomena kolokasi bagi para penyelidik. Contoh kolokasi yang diberikan oleh 'Abd al-Azīz adalah, dalam bahasa Arab orang mengatakan: قَطِيعٌ مِنَ الْغَنَمِ /qaṭī'un min al-ghanam/ 'sekelompok domba', dan tidak pernah orang mengatakan: \* قَطِيعٌ مِنَ الطَّيْرِ /qaṭī'un min al-ṭayr/ 'sekelompok burung', tetapi orang mengatakan: سِرْبٌ مِنَ الطَّيْرِ /sirbun min al-ṭayr/ 'sekawanan burung'.

Kemudian ia melontarkan pertanyaan, mengapa pembicara menerima satu ujaran dan menolak ujaran lainnya? Menurutnya, sebabnya adalah kerana diterima dan ditolaknya ujarannya tersebut bergantung pada kesesuaian antara makna kedua kata yang berkolokasi. Oleh kerana itu, KA yang diramalkan orang yang dapat berkolokasi dengan KN بَقَرَةٌ /baqarat/ 'lembu betina', misalnya, adalah KA صَفْرَاءُ /ṣafrā'/ 'kuning', kerana sifat inilah yang umum dalam dunia emperis dalam lingkungan tertentu. Kerananya, orang tidak pernah mendengar بَقَرَةٌ خَضْرَاءُ /baqarat khadrā'/ 'lembu betina hijau'. Menurut 'Abd al-Azīz, diterima dan ditolaknya kolokasi semata-mata kerana kebiasaan saja dan tidak ada hubungan yang kuat dengan dunia emperis. Untuk itu, ia memberi contoh kata bahasa Inggeris *white* yang berkolokasi dengan kata lain tanpa merujuk kepada warna kata tersebut, maka orang Inggeris mengatakan *white coffee*, padahal warna kopi tersebut bukanlah putih. Demikian juga orang Inggeris mengatakan *flock of sheep* dan *herd of cows*, padahal tidak ada bedanya antara makna *flock* dan *herd* – merujuk pada pendapat Palmer – selain

kerana yang satu biasa digunakan dengan domba dan yang lainnya biasa digunakan dengan lembu<sup>11</sup>.

‘Abd al-Azīz tidak menyinggung masalah padanan penterjemahan kolokasi selain menyatakan adanya problem yang sangat rumit berkaitan dengan penterjemahan kolokasi, iaitu dalam memilih kata A, B, atau C. Oleh kerana itu ia mengesyorkan adanya senarai kata-kata berkolokasi yang dapat dirujuk oleh para pelajar atau penterjemah.

### 1.7.2 Kajian kolokasi bahasa Arab secara khusus

Kajian kolokasi secara khusus dalam bahasa Arab bermula pada pertengahan tahun 1960-an dan itu pun sebagai pengaruh dari teori "*meaning by collocation*" Firth (1957). Berbeza dari kajian-kajian awal, kajian-kajian moden berupaya mencipta istilah bahasa Arab bagi menamai fenomena linguistik ini.

Menurut ‘Abd al-‘Azīz (1990: 60), Abū al-Faraj (1966: 111) adalah pakar bahasa Arab yang pertama mengenalkan istilah *المصاحبة* /al-muṣāḥabaṭ/ 'kolokasi' kepada pembaca Arab. Memperhatikan kenyataan yang ada bahawa entri dalam kamus-kamus ekabahasa Arab memberikan contoh-contoh dengan menyenaraikan unsur-unsur leksikal yang berkolokasi yang dibahas, Abū al-Faraj meminjam teori Firth "*meaning by collocation*" dan berargumentasi bahawa makna unsur leksikal ditandai oleh kolokasi. Argumentasi yang sama juga dikemukakan oleh ‘Izzat (1970, 1971). Ia menggunakan istilah *المصاحبة اللغوية* /al-muṣāḥabaṭ al-lughawīyyaṭ/ yang secara harfiah bererti 'pertemanan bahasa' (1971: 95) bagi merujuk pada fenomena

---

<sup>11</sup> Inilah yang dimaksud dengan sifat arbitrari yang menjadi salah satu ciri khas kolokasi bahasa Arab (lihat 6.4.4), bahawa tidak ada alasan yang logik atau semantik mengapa leksem A boleh berkombinasi dengan leksem B.

suatu unsur leksikal yang muncul ditemani unsur leksikal lainnya. Kedua-dua unsur leksikal menjadi begitu kuat berhubungan di dalam minda pengguna iaitu ketika salah satu dari kedua-dua unsur leksikal tersebut disebut, unsur leksikal yang disebut itu memanggil unsur leksikal lainnya dalam minda pembaca. Misalnya, sebuah unsur leksikal *الْجُمُعَةُ* /al-jumu‘at/ 'Jumaat', seorang penutur asli dapat membuat senarai unsur leksikal yang boleh berkolokasi dengannya, misalnya *صَلَاةٌ* /ṣalaṭ/ 'salat' seperti dalam *صَلَاةُ الْجُمُعَةِ* /salāṭ al-jumu‘at/ 'Salat Jumaat'. ‘Izzat juga mengemukakan bahawa pola kolokasi dalam sebuah bahasa berbeza dari yang ada di bahasa lainnya (1970: 29). Ia membagi kolokasi berdasarkan gaya menjadi *عَادِيَّةٌ* /‘ādiyyaṭ/ 'biasa', iaitu kolokasi yang mesra dan dikenal oleh pembaca, dan *غَيْرُ عَادِيَّةٌ* /ghayr ‘ādiyyaṭ/ 'luar biasa', iaitu kolokasi yang penuh dengan gaya bahasa yang lazim digunakan oleh para penyair dan penulis-penulis kontemporari sehingga menjadi ungkapan metafora yang tidak mudah difahami oleh pembaca awam (1971: 95).

El-Hassan (1982: 273) melakukan kajian yang mengupayakan bagi membuat asas semantik untuk kolokasi. Ia menciptakan istilah *التَّلَازُمُ* /at-talāzum/ bagi menandakan kolokasi sebagai sebuah fenomena linguistik. Sebagaimana halnya Abū al-Faraj (1966) dan ‘Izzat (1970, 1971), El-Hassan berkeyakinan bahawa nahu tidak memberikan pengaruh pada kolokasi. Baginya, kolokasi sebahagian bersifat arbitrari dan sebahagian lainnya bersifat semantik.

Setelah mengkaji pola-pola kolokasi dalam al-Quran, ia menemui tiga hubungan semantik berkenaan dengan kata-kata yang berkolokasi. Pertama, hubungan oposisi yang menghubungkan sebuah KK seperti *يُحْيِي* /yuhyi/ 'menghidupkan' dengan kata yang beroposisi dengannya *يُمِيتُ* /yumit/ 'menidurkan' atau 'mematikan' seperti dalam *يُحْيِي وَيُمِيتُ* /yuhyi wa yumit/. Kedua, hubungan

sinonimi di mana makna dari salah satu kata yang berkolokasi tersebut bersinonim dengan kata yang lainnya seperti dalam *الْمُسْتَقَرُّ وَالْمَقَامُ* /al-mustaqarr wa al-muqām/ 'tempat menetap'. Ketiga, hubungan saling melengkapi, di mana makna salah satu unsur leksikal melengkapi makna kata yang berkolokasi dengannya. Misalnya, *السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ* /al-samā' wa al-ard/ 'langit dan bumi'. Kata *السَّمَاءُ* /al-samā'/ merupakan pelengkap bagi kata *الْأَرْضُ* / al-ard/.

Para ahli bahasa tersebut telah membuat kesimpulan bahwa kolokasi itu sama ada bersifat arbitrari mahupun ditentukan oleh hubungan semantik. Mereka semua bersetuju bahawa nahu tidak selalu memberikan pengaruh pada fenomena linguistik ini. Bagaimana pun, beberapa kajian berupaya menunjukkan bahawa nahu menentukan kolokasi.

Faktor nahu berkembang lebih lanjut sehingga menjadi sebuah peraturan atau apa yang dinamakan oleh Ḥassān (1986, 2005) dengan istilah *قِيُودُ الْإِنْتِقَاءِ* /quyūd al-intiqā'/ 'Pengehadan pilihan' merujuk kepada istilah yang digunakan oleh Chomsky (1965) "*selection restrictions*". Ḥassān (1986: 308; 2005: I,136) menggunakan istilah *تَوَارُودٌ* /tawārud/ 'berturut-turut' dan *مُلَاءَمَةٌ* /mulā'amah/ 'kesesuaian', bagi merujuk ke unsur-unsur leksikal yang secara nahu dan semantik munasabah dan muncul secara bersamaan dalam pola-pola kolokasi, sementara *مُلَاءَمَةٌ* /mulā'amah/ terdiri dari peraturan-peraturan nahu dan logik.

Peraturan yang disebut sebagai *قِيُودُ الْإِنْتِقَاءِ* /quyūd al-intiqā'/ ini berfungsi sebagai "*constraints on word combinations*" (Lehrer, 1974: 183) yang menentukan unsur leksikal mana yang patut muncul bersama bagi membentuk ayat yang bermakna penuh. Peraturan nahu yang dibuat Ḥassān serupa dengan peraturan yang dibuat Ibn Fāris (1947) dalam bukunya *الِإِتْبَاعُ وَالْمُرَاوَجَةُ* /al-itbā' wa al-muzāwajāt/.

Peraturan nahu Arab tentang مَفْعُولٌ مُطْلَقٌ /maf'ul muṭlaq/ 'cognate accusative', misalnya, mengharuskan sebuah KK diikuti oleh مَصْدَرٌ /maṣḍar/ 'infinitive verbal noun' dari akar tiga huruf yang sama, seperti dalam سَارَ سَيْرًا /sāra sayran/ yang secara harfiah 'ia berjalan perjalanan', di mana مَفْعُولٌ مُطْلَقٌ /maf'ul muṭlaq/ (dalam contoh ini adalah سَيْرًا / sayran/) berasal dari akar tiga huruf (*triradical root*) س-ي-ر /s-y-r/.

Peraturan nahu lainnya adalah تَوْكِيدٌ لَفْظِيٌّ /tawkiḍ lafziy/ 'penegasan verbal', di mana unsur leksikal diikuti oleh unsur leksikal yang sama bagi menegaskan maknanya seperti dalam أَخَاكَ أَخَاكَ /akhāka akhāka/ 'saudaramu-saudaramu' (Hassān, 1986: 309).

Pendekatan semantik (atau logik) terhadap kajian kolokasi menentukan adanya kesesuaian dan ketidaksesuaian konstituen klausa (Ibid: 314-417). Klausa nama (*nominal clause*) yang bermula dengan الْمُبْتَدَأُ /al-mubtada'/ 'topik, subjek' dari ayat nama (*nominal sentence*) secara munasabah mengharapkan adanya الْخَبَرُ /al-khabar/ 'predikat'. Di sisi lain, klausa KK (*verbal clause*) yang dimulai dengan KK secara munasabah mengharapkan adanya الْفَاعِلُ /al-fā'il/ 'agent, subjek' dari ayat KK (*verbal sentence*). Selain itu, tindakan dalam klausa yang bermakna penuh secara nahu harus disesuaikan dengan *agent* secara munasabah. Klausa verbal yang dimulai dengan KK سَارَ /sāra/ 'ia berjalan' diharapkan diikuti oleh *agent* yang berupa KN manusia berjantina lelaki. Misalnya سَارَ الرَّجُلُ /sāra al-rajulu/ 'lelaki itu berjalan'. Jika kata kerja tersebut diikuti oleh KN yang tidak bernyawa seperti الْمَائِدَةُ /al-mā'idah/ 'meja', sehingga hasilnya menjadi سَارَتِ الْمَائِدَةُ /sārat al-mā'idah/ 'meja itu berjalan', secara nahu dapat diterima, tetapi secara semantik tidak dapat diterima. Hassān (1986) adalah pakar bahasa pertama yang mengenalkan dan memformulasikan

peraturan pengehadan pilihan untuk kolokasi dalam bahasa Arab (El-Gemei, 2006: 436).

Konsep Pengehadan pilihan dalam kolokasi mendapat dorongan baru dari El-Gemei (1998). Dalam sebuah kajian kontrastif tentang kolokasi wacana khusus dalam Bahasa Arab Standard Modern dengan Bahasa Inggris Amerika, El-Gemei (1998: 17) menunjukkan peringkat lain dari pengehadan kemunculan unsur leksikal secara bersamaan, yaitu peringkat konseptual. Medan makna tertentu seperti *إِرْهَاب* /irhāb/ 'keganasan' dan *فَيْرُوسُ كُمْبِيُوتَر* /fayrūs kumbyūtar/ 'virus komputer' terkonsepsi sebagai 'musuh' atau 'penyakit'. Konsep ini menjelaskan mengapa unsur leksikal *إِرْهَاب* /irhāb/ 'keganasan' muncul secara bersamaan dengan unsur leksikal yang termasuk medan makna yang berkenaan dengan tentera seperti *هُجُوم* /hujūm/ 'serangan', *جَبْهَةٌ* /jabhat/ 'barisan depan, medan pertempuran', dan *مُكَافَاحَةٌ* /mukāfahaṭ/ 'membanteras, memerangi' seperti dalam pola-pola kolokasi berikut: *هُجُومٌ إِرْهَابِيٌّ* /hujūm irhābiy/ 'serangan keganasan', *جَبْهَةٌ إِرْهَابِيَّةٌ* /jabhat al-irhāb/ 'barisan depan keganasan', dan *مُكَافَاحَةٌ إِرْهَابِيَّةٌ* /mukāfahaṭ al-'irhāb/ 'memerangi keganasan'. Hal ini juga berpengaruh pada kemunculan *فَيْرُوسُ كُمْبِيُوتَر* /fayrūs kumbyūtar/ 'virus komputer' dengan unsur leksikal yang berkaitan dengan medan makna yang berhubungan dengan tentera, seperti *يَضْرِبُ* /yaḍrib/ 'menyerang' seperti dalam *أَلْفَيْرُوسُ سَيَضْرِبُ* /al-fayrūs sa-yaḍribu/ 'virus komputer akan menyerang', dan unsur leksikal *مُضَادٌّ* /muḍādd/ 'anti-/ seperti dalam *مُضَادُّ فَيْرُوسٍ* /muḍād fayrūs/ 'anti-virus'.

Di samping pengehadan secara semantik, nahu, dan yang bersifat arbitrari, kajian El-Gemei memberi peringkat konseptual sebagai peringkat keempat dari pengehadan kemunculan unsur-unsur leksikal secara bersamaan.

Kajian terkini tentang kolokasi bahasa Arab yang diperoleh penulis adalah karya Ḥamādaṭ Muḥammad `Abd al-Fattāh al-Ḥusayniy (2007) dalam bentuk tesis PhD di Universiti Al Azhar Kaherah bertajuk *المُصَاحَبَةُ اللُّغَوِيَّةُ وَأَثَرُهَا فِي تَحْدِيدِ الدَّلَالَةِ فِي الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ: دَرَسَةٌ نَظَرِيَّةٌ تَطْبِيقِيَّةٌ* /al-muṣāḥabaṭ al-lughawīyyaṭ wa atharuhā fī taḥdīd al-dilālat fī al-qur`ān al-karīm: dirāsaṭ nazariyyaṭ taṭbqīyyaṭ/ 'kolokasi dan kesannya dalam penghadan makna dalam al-Quran al-karim: kajian teori dan aplikasi'.

Antara hasil temuannya adalah bahawa kolokasi sangat berfungsi dalam membuat banyak istilah Islam dalam al-Quran, seperti *أَصْحَابُ الْيَمِينِ* /aṣḥāb al-yamīn/ 'puak kanan', *أَصْحَابُ الشِّمَالِ* /aṣḥāb al-syimāl/ 'puak kiri', *سِدْرَةُ الْمُنْتَهَى* /sidratu al-muntahā/ 'Sidratu-Muntaha', *الْمَشْعَرُ الْحَرَامُ* /al-masy`ar al-ḥarām/ 'Al-Masy`ar al-Haram/ Muzdalifah', *يَوْمَ الْقِيَامَةِ* /yawm al-qiyāmaṭ/ 'Hari Kiamat', dsb.

Temuan lainnya adalah bahawa kolokasi berkesan mengisbatkan perbezaan makna antara kata-kata yang bersinonim dalam al-Quran.

Kajian lebih lanjut tentang kolokasi dihuraikan dalam Bab Kedua.

### **1.7.3 Kajian tentang Terjemahan Tafsir *Fī Zilāl al-Qur`ān***

Kajian terjemahan Tafsir *Fī Zilāl al-Qur`ān* pernah dilakukan oleh Mohd. Asmadi bin Yakob pada tahun 2002 dalam bentuk disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kajiannya itu bertajuk "Terjemahan Tafsir *Fī Zilāl al-Qur`ān* oleh Yusoff Zaky Yacob: Suatu Kajian dari Aspek Metodologi". Seperti tampak dari tajuk, kajian yang dilakukan pelajar pada Jabatan al-Quran dan al-Hadith Bahagian Pengajian Usuluddin ini menitikberatkan pada aspek metodologi penterjemahan. Mohd. Asmadi bin Yakob menilai bahawa

penterjemahan yang dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob “boleh digolongkan dalam penterjemahan dinamis” (2002: 118).

## 1.8 Metodologi Kajian

Penyelidikan ini merupakan kajian teks berdasar korpus (*corpus-based linguistic analysis*). Area utama dari analisis ini akan mencakupi:

(1) "*Style and authorship studies*", iaitu penyelidikan ini akan mencuba mengenal pasti ciri-ciri khas dari tulisan pengarang tertentu, yang dalam penyelidikan ini adalah buku *Fī Zilāl al-Qur’ān* karangan Sayyid Quṭb;

(2) "*Lexis*", di mana penyelidikan ini akan mengkaji kekerapan partikel, kata atau frasa dan maknanya dalam jenis teks yang berbeza dan perilaku kolokasinya, iaitu pola-pola kombinasi dengan unsur-unsur leksikalnya; dan yang terakhir adalah:

(3) "*Translation studies*", kerana penyelidikan ini akan menganalisis jenis-jenis kolokasi dalam buku *Fī Zilāl al-Qur’ān* karangan Sayyid Quṭb dan terjemahannya dalam bahasa Melayu-Malaysia dan Melayu-Indonesia (lihat Parlington, 1998:2-3).

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Parlington juga (1998: 9), bahawa kebanyakan analisis linguistik menggunakan "*computerised corpora*", maka penyelidikan ini pun menggunakan hal yang sama iaitu teks buku *Fī Zilāl al-Qur’ān* dalam format *.doc*, dan guna mengetahui kekerapan kemunculan jenis-jenis kolokasi dalam korpus tersebut maka penulis menggunakan program *aConcorde*. Pencarian dengan bantuan program ini berdasarkan dua konsep, iaitu:

- (1) "*frequency*" (*a factor of (past) observation*) dan
- (2) "*probability*" (*a factor of (future) predictability*).

Dengan kata lain, apabila sesuatu kombinasi kata tertentu kerap muncul, maka hal ini dapat dijadikan dasar *"how other, as yet unanalysed, chunks of language will behave, and, in the end, for hypothesising a description of how the entire universe of discourse under study (whether it be a register, dialect or other subset of language) is constructed"* (Ibid, 1998: 9).

Misalnya, untuk mengetahui kekerapan kemunculan KN **الرَّغْمِ** /al-raghm/ serta unsur bahasa yang berada disekitarnya adalah sebagai berikut:

The screenshot shows the aConcorde software interface. The search bar contains the keyword 'الرَّغْمِ'. The search results are displayed in a list, and a table on the right shows the frequency of each word found. The table has two columns: 'تصنيف أبجدي تصاعدي' (Alphabetical ascending classification) and 'كلمة' (Word). The table lists 11 words, with the first one, 'يدعوته', appearing 11 times.

تصنيف أبجدي تصاعدي	كلمة
1	يدعوته
1	يدعونهم
2	يدفع
3	يدقة
4	يدلر
8	يدلا
2	يدلت
2	يدله
1	يدلها
2	يدلوا
3	يدليلر
1	يدما أنهم
1	يدمشق
1	يدن
2	يدنة
1	يدوا
3	يدوره
3	يدورها
11	يدوزن
5	يدونه
7	يدوتها
1	يدىء

At the bottom of the interface, there is a status bar showing: 'ملف المدونة: البقرة (Cp1256) text.txt | حجم سياتر النص = 4 | الكلمات المجردة = 29250 | مجموع الكلمات = 140320'.

**Rajah 1.1:** Contoh hasil pencarian aConcorde terhadap kolokasi kata **الرَّغْمِ** /al-raghm/

Hasil pencarian kata dengan menggunakan program aConcorde ini menunjukkan bahawa KN tersebut dalam teks muncul 11 kali dan selalu muncul di antara dua KSN, iaitu **عَلَى** /'alā/ dan **مِنْ** /min/. Namun, adakalanya kombinasi kata-

kata tertentu hanya muncul sekali atau dua kali sahaja. Kemunculan yang jarang ini belum tentu menunjukkan bahawa kombinasi itu bukan merupakan kolokasi. Kombinasi tersebut boleh jadi digunakan oleh penulis lain dalam teks yang berbeza. Untuk itu penulis menggunakan mesin pencari *Google*. Misalnya, untuk mencari penggunaan kombinasi antara kata قَرِيرٌ /qarīr/ dan النَّفْسُ /al-nafs/, maka hasil pencariannya sebagai berikut:

ويب صور مجموعات الدليل

قَرِيرٌ النَّفْسُ

البحث في ويب  البحث في الصفحات العربية

ويب

[اخيرا تحقق حلم زيكو-----وكالعاده ...](#)  
استطيع الان ان اموت فرير النفس سعيدا بعد ان حققت حلم اللعب جنبا الى جنب مع مارادونا ...  
[www.sport4ever.com/vb/showthread.php?t=233168](http://www.sport4ever.com/vb/showthread.php?t=233168) - 116k - نسخة مخبئة - صفحات شبيهة

[Arab Union For Internet Writers](#)  
... راضيا مرناحا فرير النفس، هريا من فسوة الحياة وظلم الناس، أو طمعا في الحياة السرمدية ...  
[www.arab-ewriters.com/?action=library& &type=ON1&&title=757](http://www.arab-ewriters.com/?action=library& &type=ON1&&title=757) - 278k - نسخة مخبئة - صفحات شبيهة

[منتديات الفضائية السودانية - انا في ...](#)  
اقبل على النفس واستكمل فضائلها فانك بالنفس لا ... من غوائلهم وعائن وهو فرير العين جذلان ...  
[www.sudantv.tw/forum/showthread.php?s=e5397b323a865b285dfb8356a4928b8d&threadid=4162&pagenumber=2](http://www.sudantv.tw/forum/showthread.php?s=e5397b323a865b285dfb8356a4928b8d&threadid=4162&pagenumber=2) - 110k - نسخة مخبئة - صفحات شبيهة

[كيف تكون شاكرين لفضيلة الشيخ ...](#)  
نوع الملف: Microsoft Word - إصدار HTML  
... التوجه، وفهم الهدي النبوي منه، يعينن فرير النفس هادي الفؤاد وُوهب حب الخير للخلق، ...  
[www.iu.edu.sa/Magazine/40/10.doc](http://www.iu.edu.sa/Magazine/40/10.doc) - صفحات شبيهة

[مجيد عبد الحميد ناجي](#)  
فم فرير النفس لا تُسنىكي. من حظك العائر مهما عثر. وافرح إذا ما أظلم منك الضنا ...  
[www.almawsem.net/katib/nagi.htm](http://www.almawsem.net/katib/nagi.htm) - 99k - نسخة مخبئة - صفحات شبيهة

**Rajah 1.2:** Contoh hasil pencarian *Google* terhadap kolokasi kata kata قَرِيرٌ /qarīr/ dan النَّفْسُ /al-nafs/

Hasil temuan *Google* ini tentunya tidak boleh langsung dijadikan pedoman. Langkah selanjutnya adalah membuka laman-laman web yang ditunjukkan oleh *Google* tersebut dan memilih tulisan yang memang bersumber dari laman-laman web

yang patut diandalkan. Selain itu, langkah yang diambil untuk mengesahkan penggunaan kombinasi itu, penulis merujuk silang kepada sejumlah kamus khusus kolokasi dan idiom seperti *المُعْجَمُ السِّيَاقِيُّ لِلتَّعْبِيرَاتِ الاصْطِلَاحِيَّةِ* ‘A *Contextual Dictionary of Idioms Arabic-Arabic*’ karangan Mahmoud E. Sieny, Mokhtar A. Hussin, dan Sayyed A. A. Al-Doush (1996), *مُعْجَمُ الحَافِظِ لِلْمُتَصَاحِبَاتِ العَرَبِيَّةِ*, ‘*Al-Hafiz Arabic Collocations Dictionary*’ karangan Al-Tahir A. Hafiz (2004), atau *مُعْجَمُ التَّعَايِيرِ الاصْطِلَاحِيَّةِ فِي العَرَبِيَّةِ المُعَاصِرَةِ عَرَبِ-عَرَبِي* /mu‘jam al-ta‘ābir al-iṣṭilāḥiyyat̤ fī al-‘arabiyyat̤ al-mu‘āṣirat̤/ ‘kamus idiom dalam bahasa Arab kontemporer’, karangan Wafā’ Kāmil Fāyid (2007).

## 1.9 Rangka Kajian

Kajian ini terdiri daripada tujuh bab. Bab Pertama, akan membahas pengenalan yang mencakupi latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, objektif dan kepentingan kajian, batasan dan bidang kajian, tinjauan kajian berkaitan serta metodologi kajian.

Bab Kedua akan membahas pengertian kolokasi dalam bahasa Arab, idiom dan peribahasa, di samping pembahasan tentang klasifikasi kolokasi bahasa Arab, pengehadan dan sumbernya.

Bab Ketiga membahas kolokasi dan penterjemahan yang mencakup metode dan prosedur penterjemahan, gangguan dalam penterjemahan, pembahasan kolokasi sebagai masalah dalam penterjemahannya serta strategi yang biasa digunakan para penterjemah dalam menterjemahkan kolokasi yang berbentuk idiom, ungkapan tetap dan peribahasa.

Dalam Bab Keempat, akan dibahas tentang sejarah singkat Sayyid Quṭb dan karyanya, termasuk tentang terjemahan mahakaryanya, iaitu Tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān*.

Bab Kelima akan membahas pengumpulan korpus dan alat pengolahannya, termasuk penjelasan tentang sumber korpus penyelidikan dan cara pengumpulannya. Juga dikemukakan tentang penyiapan data, penjelasan ukuran data dan penyuntingannya, dan program yang digunakan untuk pengolahannya.

Bab Keenam merupakan bahagian utama dari penyelidikan ini, kerana bab ini mengemukakan analisis data tentang kolokasi bahasa Arab dan penterjemahannya ke bahasa Melayu. Dalam bab ini juga akan dilakukan pengkajian terhadap had, kriteria dan ciri-ciri kolokasi bahasa Arab berdasarkan pada data yang diperoleh dari Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān*.

Terakhir, Bab Ketujuh yang mengemukakan, kesimpulan yang diambil dari pengkajian kolokasi bahasa Arab dan masalah penterjemahannya ke bahasa Melayu, sumbangan pengkajian ini dan saranan.

## **1.10 Penutup**

Dari huraian di atas dapatlah kiranya kita ambil kesimpulan bahawa pengkajian tentang kolokasi dalam bahasa Arab sangatlah penting. Ia akan memberikan manfaat yang besar dalam bidang pengajaran bahasa Arab dan dalam bidang penterjemahan. Fenomena kolokasi bukan hal yang baru dalam bahasa dan sastera Arab. Sejak dahulu para linguist Arab telah menggunakannya tanpa menamakannya sebagai kolokasi. Sikap masyarakat Arab terhadap kolokasi mungkin dapat diumpamakan dengan sikap mereka terhadap bahasa Arab itu sendiri. Sejak zaman Jahiliah mereka mahir menggunakan bahasa Arab dan sasteranya, tetapi Ilmu Nahu baru muncul kemudian, setelah banyak kesalahan berbahasa yang dilakukan oleh orang-orang yang bukan penutur asli bahasa Arab. Mengikut Al-Ṭanṭāwīy (1995: 27), Ilmu Nahu diasas oleh Abū al-Aswad al-Du'alīy yang lahir pada tahun 672 H dan

meninggal pada tahun 723 H ('Abd al-Ḥamīd, t.t.: 2), sedangkan bahasa Arab itu sendiri telah digunakan sejak zaman Jahiliah.

Kajian terkini tentang kolokasi bahasa Arab memang telah pun dilakukan dan memang berkaitan dengan penerjemahan, tetapi bukan dengan bahasa Melayu. Bahasa yang menjadi BT penerjemahan sejumlah besar adalah buku-buku berbahasa Arab. Padanan yang diberikan dalam kajian tersebut adalah dalam bahasa Inggeris. Untuk itu, kajian ini akan memberikan sumbangan yang cukup penting bagi dunia penterjemahan khususnya dari bahasa Arab ke Melayu.